PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Premier Vantage

(Ini adalah produk takaful)

Disediakan khas untuk:

CONTOH

Contoh PDS *ini berdasarkan seorang lelaki sihat berusia 30 tahun (umur hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM500,000. Bagi sebut harga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda, sila rujuk wakil bank anda untuk nasihat peribadi dan rujuk PDS dan ilustrasi produk sebenar anda.*

Disediakan oleh: PruBSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari
(visit www.pidm.gov.my).

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya**.

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL
PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD
Tarikh: 13/02/2026

1 Apakah Premier Vantage?

Premier Vantage ialah pelan takaful sumbangan berkala selama 10 tahun yang menawarkan perlindungan dan pelaburan bagi tempoh 20 tahun. Produk ini menyediakan perlindungan jika berlaku kematian dalam tempoh perlindungan. Ia juga melindungi Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) sepanjang tempoh perlindungan atau sehingga tarikh ulang tahun sijil harijadi Orang yang Dilindungi yang ke-70, yang mana lebih awal. Pelan ini menyediakan bayaran tunai tahunan bermula dari akhir tahun sijil ke-2 sehingga tempoh matang sijil.

Akaun yang diguna pakai untuk Premier Vantage:

- **Akaun MaxiShield (MSA)** - Akaun ini menempatkan sebahagian besar sumbangan anda daripada pelan asas dan mana-mana rider yang dilampirkan (jika ada) yang diperuntukkan untuk tujuan perlindungan. Penolakan *Tabarru`* bagi pelan asas dan rider (jika ada) akan ditolak daripada akaun ini. Bayaran Tunai Tahunan juga akan dibayar daripada akaun ini. Selain itu, lebihan yang boleh diagihkan serta 100% keuntungan pelaburan juga akan diperuntukkan ke dalam akaun ini.
- **Akaun Unit Perlindungan (PUA)** - Akaun ini menempatkan sebahagian daripada sumbangan anda daripada pelan asas yang diperuntukkan untuk membeli unit-unit dalam Dana Takafulink yang diwajibkan, iaitu Takafulink Dana Sukuk dan Takafulink Dana Urus.
- **Akaun Unit Pelaburan (IUA)** - Akaun ini menempatkan sebahagian daripada sumbangan Takaful Saver anda, tambah nilai melalui sumbangan tunggal dan Bayaran Tunai Tahunan yang dikumpulkan (jika ada), yang diperuntukkan untuk membeli unit-unit dalam Dana Takafulink pilihan anda.

Nilai Tunai ialah jumlah nilai amaun dalam MSA dan nilai unit dalam PUA dan IUA (jika ada). Nilai-nilai ini dipengaruhi oleh prestasi dana MSA dan harga unit dana Takafulink yang mendasari dalam PUA dan IUA (jika ada), yang berubah-ubah mengikut prestasi pelaburan dana tersebut.

Konsep Shariah yang diguna pakai di bawah Premier Vantage:

- ***Ta`awun:*** Apabila anda menyumbang ke dalam Dana *Tabarru`* untuk manfaat kewangan bersama apabila berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui.
- ***Wakalah bi al-ujrah:*** Apabila anda melantik PruBSN untuk mengurus dan melaburkan dana tersebut sebagai wakil, dan PruBSN akan menerima upah, termasuk yuran prestasi daripada lebihan boleh agih dari Dana *Tabarru`*.
- ***Hibah:*** Apabila PruBSN menyediakan hadiah di bawah Bonus EduAchieve daripada dana pemegang sahamnya, tertakluk kepada terma dan syarat.

*Nota: Keterangan produk di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Lampiran atau dokumen sijil untuk maklumat lanjut.*

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat anda?

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 10,463.00 Bulanan** selama **10** tahun, dengan **Jumlah Perlindungan Asas RM 500,000,** anda akan menerima **perlindungan/manfaat** Takaful Keluarga seperti berikut:

Kematian	Jumlah yang lebih tinggi antara Manfaat Kematian Dijamin atau amaun di dalam MSA dan PUA. Nilai IUA (jika ada) juga akan dibayar.
TPD	Amaun yang setara dengan manfaat kematian akan dibayar, tertakluk kepada terma dan syarat sijil.
Bayaran Tunai Tahunan	Hujung tahun sijil ke-2 hingga hujung tahun sijil ke- 10 - RM 20,000.00
	Hujung tahun sijil ke-11 hingga hujung tahun sijil ke- 18 - RM 40,000.00
	Hujung tahun sijil ke-19 hingga hujung tahun sijil ke- 20 - RM 140,000.00
Manfaat Matang	Jumlah yang lebih tinggi antara Manfaat Matang Dijamin* of RM 500,000 atau amaun di dalam MSA dan PUA, pada tarikh matang sijil. Nilai IUA (jika ada) juga akan dibayar.

Nota:

- **Sila rujuk kepada Jadual Ilustrasi Produk untuk maklumat mengenai Manfaat Kematian yang Dijamin untuk setiap tahun sijil dan Manfaat Matang Dijamin.*

*Keterangan mengenai perlindungan dan manfaat di atas **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk ilustrasi pulangan tahunan dan rujuk kepada Lampiran atau dokumen sijil untuk maklumat lanjut.*

Pelan takaful keluarga anda mengecualikan:

Kematian: Kami tidak akan membayar manfaat kematian sekiranya kematian adalah berpunca daripada sebab yang dinyatakan di bawah:

- Bunuh diri dalam tahun sijil yang pertama dari tarikh berkuatkuasa sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil, yang mana kemudian.

Sebaliknya, kami hanya akan membayar nilai tunai sijil.

Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh: Kami tidak akan membayar manfaat TPD sekiranya berkaitan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh:

- Sebarang Keadaan Sedia Ada yang tidak dimaklumkan berkaitan dengan kesihatan Orang yang Dilindungi adalah dikecualikan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh sijil berkuat kuasa. Selepas tempoh tersebut, tuntutan akan diproses mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

*Nota: Senarai pengecualian di atas adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada Lampiran atau dokumen sijil untuk senarai penuh pengecualian.*

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful keluarga anda, anda boleh:

Hubungi Standard Chartered Bank Malaysia Berhad di aplikasi SC Mobile / Perbankan Dalam Talian

Hubungi PruBSN di:
03-2775 7188
Email PruBSN di:
customer@prubsn.com.my

Lawati* kami di:
https://www.sc.com/my/insurance/premier-vantage/

Imbas* kod QR

**Yakinlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pautan / Kod QR.*

3 Ketahui Kewajipan Anda?

Untuk sijil takaful keluarga ini, anda mesti membayar sumbangan takaful Bulanan sebanyak:			
Akaun MaxiShield (MSA)	Premier Vantage (Basic)	RM 8,052	Tempoh: 10 tahun
Akaun Unit Perlindungan (PUA)	Premier Vantage (Basic)	RM 2,406	Tempoh: 10 tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Jumlah Caj *Wakalah* Charge, yang termasuk:	RM 132,192.60 atau 10.53% daripada Jumlah sumbangan RM 1,255,560.00

• Komisen (dibayar selama 10 tahun)

Akhir Tahun Sijil	Sumbangan yang Dibayar Termasuk Caj Sijil *Wakalah* (RM)	Komisen yang ditolak daripada sumbangan anda	
		Peratusan (%)	Amaun (RM)
1	125,556	12.41	15,576.36
2	125,556	8.56	10,745.16
3	125,556	6.63	8,329.56
4	125,556	2.79	3,498.36
5	125,556	2.79	3,498.36
6	125,556	2.79	3,498.36
7	125,556	2.79	3,498.36
8	125,556	2.79	3,498.36
9	125,556	2.79	3,498.36
10	125,556	2.79	3,498.36
Jumlah	1,255,560	4.71%	59,139.60

• Perbelanjaan Pengurusan (dibayar selama 10 tahun)	RM 72,453.00 (termasuk Duti Setem sebanyak RM10) atau 5.77 % daripada Jumlah sumbangan RM 1,255,560.00
Wakalah Caj Sijil *Wakalah*	Akan berbeza mengikut kekerapan bayaran, RM 5.00 Bulanan

Caj lain yang berkenaan	Terpakai untuk PUA dan IUA	Terpakai untuk IUA sahaja
	• Caj *Wakalah* Pengurusan Aset (jika ada)	• Caj *Wakalah* Tambah Nilai Melalui Sumbangan Tunggal (jika ada) • Caj *Wakalah* Pengeluaran Separa (jika ada) • Caj *Wakalah* Penukaran Dana (jika ada)

Nota:

- ***Butiran sumbangan: Jumlah sumbangan tidak termasuk rider pilihan yang lain: Parent Income Protector (jika dilampirkan).*** *Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk Jumlah Bayaran, cukai perkhidmatan (jika ada), dan anggaran tahunan.Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas semua sumbangan yang dibayar untuk tujuan perniagaan.Jumlah bayaran menyumbang kepada manfaat simpanan dan perlindungan, seperti manfaat kematian. Jika anda mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda boleh bandingkan pulangan tahunan sijil ini dengan pulangan efektif daripada alternatif pelaburan lain.*
- ***Jumlah Caj Wakalah:*** *Termasuk perbelanjaan pengurusan PruBSN (termasuk duti setem yang dibayar sekali bagi setiap sijil) dan komisen yang dibayar kepada perantara bank. Komisen adalah kos yang pergi terus ke saluran pengedaran untuk pemasaran produk ini.*
- ***Maklumat Tambahan:*** *Sila rujuk kepada PDS rider masing-masing untuk sumbangan, yuran, dan caj rider. Yuran dan caj yang disenaraikan* ***tidak menyeluruh****. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran, ilustrasi produk, atau dokumen sijil.*

4 Terma Utama Lain

- **Kepentingan pendedahan:** Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Orang yang Dilindungi dengan betul semasa menjawab sebarang soalan yang ditanya oleh kami. Kewajipan pendedahan anda adalah berterusan sehingga sijil takaful dikeluarkan. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau sijil takaful ditamatkan.
- **Tempoh Tangguh:** Anda mempunyai tempoh tangguh selama 60 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar untuk bayaran sumbangan sijil ini. Sijil akan kekal berkuat kuasa sepanjang tempoh tangguh. Sila rujuk dokumen sijil untuk definisi tarikh sumbangan perlu dibayar.
- **Peruntukan Tanpa Luput:** Sijil tidak akan luput apabila nilai tunai di dalam MSA jatuh kepada sifar dalam Tempoh Tangguh. Selepas itu, sijil akan luput apabila nilai tidak mencukupi untuk membayar penolakan *Tabarru`* dan caj lain.
- **Sumbangan dan Penolakan *Tabarru`* yang Tidak Dijamin:** Sumbangan dan Penolakan *Tabarru`* adalah tidak dijamin dan boleh disemak semula dengan memberikan notis bertulis 90 hari kepada peserta.

Nota: Terma utama di atas adalah ***tidak menyeluruh****. Sila rujuk kepada Lampiran atau dokumen sijil untuk senarai penuh terma.*

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.

- **Tempoh Rujukan Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. PruBSN akan memulangkan kepada anda nilai tunai dan sebarang Caj Sijil *Wakalah*, Penolakan *Tabarru`*, Caj *Wakalah* Awal dan Cukai Perkhidmatan (jika ada) yang telah ditolak, selepas ditolak caj perubatan yang ditanggung oleh PruBSN.
- **Notis Bertulis:** Anda boleh menyerahkan sijil ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Bertenang dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah penyerahan, kami akan membayar kepada anda nilai tunai (jika ada), selepas ditolak sebarang amaun tertunggak yang perlu dibayar kepada kami sepanjang tempoh sijil. Sila ambil perhatian bahawa jumlah dibayar mungkin jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.